

18/10/1999

FIA puji Malaysia

PERSEKUTUAN Automobil Antarabangsa (FIA) memuji keupayaan Malaysia menganjurkan perlumbaan sulung Grand Prix Formula Satu Dunia di Litar F1 Sepang, semalam.

Pengurus Besar Sepang International Circuit (SIC), Hussin Mohd Ali, berkata penghargaan itu diluahkan Pengarah Perlumbaan FIA, Charlie Whiting yang menganggap Malaysia kini sebagai antara penganjur terbaik perlumbaan.

"Whiting memuji keupayaan Malaysia kerana jika dibanding Argentina dan Brazil, mereka mengambil masa lima tahun untuk menjadi penganjur sebaik Malaysia," katanya ketika ditemui selepas tamat perlumbaan, semalam.

Menurutnya, kejayaan itu juga mendapat pujian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyatakan negara luar juga semakin mengakui keupayaan negara.

Hussin berkata, biarpun terdapat beberapa masalah, seperti rungutan marshal tempatan, ia tidak menjejaskan kelancaran penganjuran perlumbaan itu.

Menurutnya, sambutan orang ramai terhadap perlumbaan julung kali diadakan itu juga amat menggalakkan, biarpun jualan tiket pada peringkat awal agak perlahan.

(END)